

07 FEB 2003

Mahathir-Keadilan (Bergambar)

PENGADILAN KURANG BAIK JIKA KES DILEWATKAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Pengadilan tidak boleh dibuat dengan baik jika mahkamah melewatkan kes yang dibicarakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata ini kerana kelewatan dalam membicara dan mengadili sesuatu kes akan menyebabkan ada saksi yang akan lupa fakta kes dan mungkin ada yang sudah meninggal dunia.

"Banyak juga kita baca tentang kes-kes berlarutan sehingga tujuh tahun tak selesai. Kita tahu kalau ia dilewatkan maka pengadilan tidak boleh dibuat dengan baik kerana banyak daripada saksi yang lupa, ada yang dah mati. Itu yang jadi masalah," katanya ketika ditanya pemberita di sini sejauh mana seriusnya kelewatan dalam kes-kes mahkamah di negara ini.

Terdahulu Dr Mahathir melancarkan E-Syariah, projek kerajaan elektronik yang ketujuh di bawah aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia. Ia merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang mengintegrasikan semua proses yang terlibat di dalam pengendalian kes-kes mahkamah syariah.

Dr Mahathir berkata dengan adanya sistem seperti E-Syariah, maka pelbagai proses di Mahkamah Syariah dapat dipercepatkan.

Ketika ditanya mengenai pelantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah, Perdana Menteri berkata kerajaan belum membuat keputusan mengenainya kerana masih ada keraguan sama ada wanita boleh menjadi hakim atau tidak.

Dr Mahathir turut ditanya mengapa undang-undang syariah diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Masalahnya ialah dalam perlembagaan, perkara berkaitan agama adalah di luar bidang kuasa kerajaan persekutuan...ia di bawah kerajaan negeri atau lebih tepat lagi ia merupakan perkara di bawah tanggungjawab sultan dan raja," katanya.

Mengenai adanya hakim-hakim yang memberikan komen negatif tentang undang-undang negara semasa memberikan penghakiman, Perdana Menteri berkata negara mempunyai pemisahan di antara pihak perundangan, eksekutif dan kehakiman.

"Kalau kita langgar dan kita tidak hormati pemisahan ini maka pihak lain juga akan melanggar batasan dan mungkin pihak yang berkuasa akan campurtangan dalam urusan kehakiman dan sebagainya.

"Sebab itu amat penting sekali kita pegang pada pemisahan ini. Biarlah badan perundangan menentukan undang-undang. Jika undang-undang itu tidak baik, rakyat akan mendesaknya supaya dipinda. Itu merupakan sistem dalam demokrasi, tetapi jika para hakim tidak menggunakan undang-undang seperti yang ada maka tentunya keseluruhan sistem akan gagal," katanya.

-- BERNAMA

RV MFJ RON